

**SESI TAKLIMAT PELAKSANAAN LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS  
(SUBJECT MATTER EXPERT – SME) BAGI SKIM PERKHIDMATAN  
PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT (PERKHIDMATAN BUKAN  
GUNASAMA PERSEKUTUAN)**



Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sedang menyelaras urusan pelaksanaan Kemajuan Kerjaya Laluan SME Bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Teknologi Maklumat selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2016: Kemajuan Kerjaya Laluan Pakar Bidang Khusus (Subject Matter Expert – SME) bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Permohonan bagi laluan SME ini telah dibuka mulai 15 Jun 2020 dan akan ditutup pada 14 September 2020 (Isnin).

Bagi memberi peluang kepada Pegawai-pegawai Teknologi Maklumat untuk mendapatkan maklumat lanjut serta keterangan yang jelas berhubung pelaksanaan SME ini, satu sesi taklimat akan diadakan seperti ketetapan berikut:

<b>Tarikh</b>	:	<b>25 Ogos 2020 (Selasa)</b>
<b>Masa</b>	:	<b>8.30 pagi – 12.00 tengah hari</b> *pendaftaran bermula jam <u>8.00 pagi</u>
<b>Tempat</b>	:	<b>Auditorium Perdana, Jabatan Perdana Menteri</b> <b>Setia Perdana 1, Kompleks Setia Perdana</b> <b>62502 PUTRAJAYA</b>

Sehubungan dengan itu, Pegawai Teknologi Maklumat yang berada di gred hakiki F44, F48, F52 dan F54 yang berminat untuk menyertai sesi taklimat ini adalah dialu-alukan untuk membuat pendaftaran awal melalui pautan berikut:

[MAKLUM BALAS KEHADIRAN KE SESI TAKLIMAT PELAKSANAAN LALUAN PAKAR BIDANG KHUSUS \(SUBJECT MATTER EXPERT - SME\) BAGI SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT](#)

Adalah dimaklumkan bahawa kehadiran ke sesi taklimat ini hanyalah **terbuka kepada 100 pendaftaran terawal sahaja** bagi mematuhi *Standard Operating Procedure* (SOP) pelaksanaan majlis kerajaan dan swasta yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pegawai-pegawai yang terpilih untuk hadir akan dimaklumkan oleh pihak urus setia melalui emel.

Sekian, terima kasih.